



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA MESYUARAT MPPN BIL 2/2024

**KUALA LUMPUR, 17 Oktober 2024** – Mesyuarat **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bil 2/2024** telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri pada 16 Oktober 2024 di Parlimen Malaysia. Mesyuarat turut disertai oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serta barisan ahli Majlis seramai 12 orang yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat.

MPPN pada kali ini antara lainnya telah membincangkan dan meluluskan **cadangan pembangunan ruang sosial dan ruang fizikal di dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perumahan strata kos rendah dalam bandar**. Langkah ini bertujuan memperkasa dan memperkuatkan perhubungan dan pembangunan komuniti di Malaysia melalui ruang sosial dan fizikal sebagai tapak integrasi selaras dengan usaha Pemeriksaan KRT Progresif. Kawasan perumahan strata kos rendah mengikut saranan dan persetujuan antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), pengurus KRT, pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan penduduk terlibat dalam projek ini. Tapak dipilih berdasarkan keaktifan dan partisipasi positif KRT dan penduduk setempat; kawasan berpopulasi padat; dan kawasan perumahan strata tanpa ruang komunal/ruang komunal terhad/ruang sedia ada yang perlu penambahbaikan seiring dengan keperluan semasa. Projek ini juga diharap dapat memperkasakan komuniti dengan memberi mereka ruang untuk berkumpul, berinteraksi dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang memupuk semangat kejiranan.

Mesyuarat turut membincangkan mengenai **Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak** oleh pasukan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini mendapat tahap kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak berada pada tahap tinggi. Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak ini boleh dijadikan

panduan dalam memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional melalui beberapa strategi: i) merapatkan jarak sosial melalui pembangunan modal insan dan infrastruktur; serta ii) mengamalkan nilai keterbukaan melalui integrasi wilayah dan program silang budaya.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa usaha mengharmonikan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya harus ditambahbaik oleh Kementerian termasuklah pihak swasta. Beliau juga telah memohon agar Kementerian memperbanyakkan dialog antara penganut pelbagai agama bagi meningkatkan semangat faham, hormat dan terima.

Selain itu, mesyuarat sebulat suara telah memilih YBhg Tan Sri Lee Lam Thye sebagai Pengurus Jawatankuasa Kecil MPPN yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menangani tuturan hasutan (*hate speech*) serta kenyataan-kenyataan berbaur hasutan yang boleh mengganggu-gugat keharmonian dan kesepaduan masyarakat sejagat.

Mesyuarat juga turut bersetuju agar keahlian MPPN ditambahbaik dengan melibatkan kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa memberikan tumpuan dalam meningkatkan semangat perpaduan, kenegaraan, jati diri, kasih sayang, kesukarelawan dan muhibah dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui ini, KPN dapat mewujudkan platform integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.

**Kementerian Perpaduan Negara**

17 Oktober 2024